

# E-LEARNING

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK



UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN

# E-LEARNING

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK



UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN

Hakcipta terpelihara PENERBIT UMK 2020

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

E-Learning Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian UMK  
eISBN 978-967-2912-08-8

Diterbitkan oleh:

Seksyen Penerbitan Korporat, Penerbit UMK,  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,  
Karung berkunci 36, Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu  
Kelantan

Dengan kerjasama:

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)  
Universiti Malaysia Kelantan Bachok  
16300 Bachok, Kelantan  
09-7797599/7598  
[www.umk.edu.my](http://www.umk.edu.my)

“

eCampus 2.0 UMK seakan telah melengkapkan semua keperluan yang perlu ada bagi kelancaran P&P-DT. Oleh hal yang demikian menyusuri suasana Pandemik Covid-19, warga UMK komited dalam mengubah pembelajaran secara semuka (*Face to Face - F2F*) ke pembelajaran dalam talian (*Non Face to Face - NF2F*).

PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL  
Naib Canselor UMK

”

# KANDUNGAN

E-LEARNING PENGAJARAN &amp; PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK

**vii**PRAKATA  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN**ix**PRAKATA  
TIMBALAN NAIB  
CANSELOR AKADEMIK  
DAN ANTARABANGSA**xi**PRAKATA  
PENGARAH PUSAT  
KECEMERLANGAN DAN  
PEMBANGUNAN  
AKADEMIK**PENGENALAN****01**

TUJUAN

**02**

LATAR BELAKANG

**BAHAGIAN  
PERTAMA****07**Kaedah  
Pelaksanaan**09**PERINCIAN  
PEMBELAJARAN  
TERADUN GANTIAN  
(PTG)

**10**

PEMBANGUNAN  
eBAHAN

**11**

PELAKSANAAN  
PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN  
DALAM TALIAN

**13**

PENJAJARAN  
KONSTRUKTIF DALAM  
PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN  
DALAM TALIAN

**15**

JAM BELAJAR PELAJAR  
(STUDENT LEARNING  
TIME-SLT)

**16**

PROSES  
IMPLEMENTASI  
PEMBELAJARAN  
TERADUN GANTIAN  
DALAM TALIAN  
(PTG-DT)

**BAHAGIAN  
KEDUA**

**19**

GARIS PANDUAN  
UMUM

**20**

PANDUAN  
PELAKSANAAN  
PEMBELAJARAN  
DALAM TALIAN  
(ONLINE LEARNING)

**27**


LAMPIRAN  
1-10

**101**

RUJUKAN

**102**

PENGHARGAAN



## PRAKATA NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Tahun 2020 menyaksikan satu era revolusi media elektronik yang cukup dinamik apabila kita berhadapan Pandemik Covid 19. Ini memberikan implikasi terhadap perubahan kepada lanskap pendidikan dan perubahan ke arah norma baharu.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengorak langkah yang positif dalam menerbitkan buku Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

(P&P-DT). Komitmen daripada keseluruhan warga akademik UMK dalam melaksanakan P&P-DT amat tinggi dengan penggunaan *Learning Management System (LMS)* eCampus yang unik serta mempunyai kelebihan yang tersendiri.

eCampus 2.0 UMK seakan telah melengkapkan semua keperluan yang perlu ada bagi kelancaran P&P-DT. Oleh hal yang demikian, menyusuri suasana Pandemik Covid-19, warga UMK komited dalam mengubah pembelajaran secara semuka (*Face to Face - F2F*) ke pembelajaran dalam talian (*Non Face to Face -NF2F*).



Pihak pengurusan UMK mengambil pelbagai langkah dalam menyokong pembelajaran P&P-DT agar berjalan dengan lancar dan berkesan serta mampu memberikan impak pembelajaran dalam pelbagai situasi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dalam memberikan kerjasama yang padu dalam meneruskan P&P-DT sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. Tidak saya lupakan penghargaan dan komitmen kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), semua Dekan, Timbalan Dekan Akademik (TDA) serta Pengarah PTj Akademik.

Kepada Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan pasukan *Facilitator for E-Learning (FacEL)* UMK serta Pusat Komputeran dan Informatik (CCI), ucapan setinggi-tinggi tahniah atas masa, tenaga dan buah fikiran dalam memastikan kelancaran P&P-DT terus aktif.

Selamat Maju Jaya

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

**PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL**  
Naib Canselor



## PRAKATA

### TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Syukur kehadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaanNya UMK dapat menerbitkan dokumen berkaitan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT). Dokumen ini sebagai rujukan kepada para akademik dan pelajar untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam masa menghadapi krisis Pandemik Covid-19 sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mod bersempua baharu dalam P&P-DT bukanlah satu perkara baharu kepada pelajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Amalan ini telah

menjadi sebahagian daripada rutin di UMK sejak 2015. Bagi rujukan pengajaran sepanjang PKP, pensyarah perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan aplikasi web *Teaching Tools* yang terdapat dalam eCampus.

Namun, bagi menjadikan P&P-DT lebih selesa dan akomodatif kepada para pelajar, terutamanya bagi yang tinggal di kawasan tiada liputan rangkaian (*network coverage*), *remote teaching* dilaksanakan.

Buku ini dijadikan panduan kepada para pensyarah dalam merancang dan melaksanakan P&P-DT dengan mengambil kira asas-asas



pedagogi, Jam Belajar Pelajar (JBP) atau *Student Learning Time (SLT)*, Penjajaran Konstruktif serta aplikasi *eCampus*.

Paparan contoh serta P&P-DT yang lengkap turut diberikan dengan mengambil kira aktiviti dan pentaksiran alternatif yang sesuai.

Norma baharu yang perlu dibudayakan melalui P&P-DT berkaitan pembelajaran secara segerak (*synchronous*) atau pembelajaran tidak segerak (*asynchronous*) wajar dipupuk agar amalan ini membantu menjadikan proses P&P-DT lebih berkesan serta dapat memberikan impak positif dalam *personalized learning* pelajar.

Akhir kata Selamat Maju Jaya kepada semua warga UMK, semoga dapat memacu kejayaan dengan penuh cemerlang.

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

**PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB**

Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)



## PRAKATA

### PENGARAH PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Era Revolusi Industri 4.0 telah memacu lanskap dan persekitaran pendidikan yang lebih dinamik serta futuristik, perubahan ini memerlukan anjakan paradigma yang menyeluruh, termasuklah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (P&P-DT).

Skop dalam buku ini meliputi dua (2) bahagian. Bahagian pertama memberikan fokus kepada garis panduan terhadap pelaksanaan P&P-DT yang meliputi asas-asas pedagogi dalam pelaksanaan P&P-DT.

Bahagian kedua, memfokuskan penyenaraian terperinci pelaksanaan P&P-DT.

Bahagian pertama, memberikan keutamaan asas P&P-DT yang menterjemahkan elemen pedagogi. Sesuatu pelaksanaan P&P-DT sama

ada secara semuka atau tidak bersemuka menekankan asas pedagogi yang meliputi kandungan bahan, aktiviti dan pentaksiran serta pengendalian ruang epembelajaran.

Bahagian kedua, ruang lingkup pelaksanaan P&P-DT diberikan dengan menghuraikan elemen pedagogi secara lebih terperinci.

Merujuk kepada konsep P&P-DT (PTG JPT, 2020) memberikan keutamaan pelaksanaan pembelajaran teradun yang merangkumi ebahan pembelajaran (40%), pelaksanaan aktiviti (40%), pentaksiran dalam talian (20%).

Bagi mencapai objektif P&P-DT yang berkesan, elemen penajaran konstruktif merupakan asas dalam perancangan dan pelaksanaan. Butiran serta contoh penajaran konstruktif diterangkan



secara terperinci. Sesuatu P&P-DT yang efektif dengan mengambil kira Jam Belajar Pelajar (JBP) atau *Student Learning Time (SLT)*.

Aspek-aspek perancangan dan pelaksanaan P&P-DT meliputi ruang lingkup:

- i. Reka bentuk pembelajaran dalam talian (*online learning*)
- ii. Penyampaian P&P-DT
- iii. eAlat Bantuan Mengajar (eABM) Audio Visual Aids (AVA)

Pelaksanaan P&P-DT mengambil kira Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia/Malaysian Qualifications Agency (MQA) sebagai Advisory Board ketika PKP Pandemik Covid-19.

Pelaksanaan P&P-DT UMK mengguna pakai platform *eCampus* sebagai medium rasmi yang merupakan landasan *Learning Management System (LMS)*.

Akhir sekali, P&P-DT menjadi satu norma baharu dalam landskap Pendidikan Pengajian Tinggi dan ia merupakan satu bentuk perubahan yang wajar diberikan keutamaan.

Sekian Wassalamualaikum w.b.t

**PROF. DR. SURIA BINTI BABA**

Pengarah

Pusat Kecemerlangan Dan Pembangunan Akademik

“

Pengurusan UMK mengambil pelbagai langkah dalam menyokong pembelajaran P&P-DT agar berjalan dengan lancar dan berkesan serta mampu memberikan impak pembelajaran dalam pelbagai situasi.

PROF. DATO' TS. DR. NOOR AZIZI BIN ISMAIL  
Naib Canselor UMK

”

# PENGENALAN





## 1.0 TUJUAN



**E-LEARNING PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM TALIAN UMK** ini bertujuan untuk memberikan panduan serta tatacara untuk mengurus, menyelaras dan menyelia pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian (P&P-DT) di UMK semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan jangkitan Covid-19.



## 2.0 LATAR BELAKANG

- i. Buku panduan ini dikeluarkan dengan merujuk kepada:
  - a. Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat;
  - b. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Kenyataan Media Pengendalian Program Akademik di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);
  - c. Agensi Kelayakan Malaysia / Malaysian Qualifications Agency (MQA)
    - i) Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (**Rujuk Lampiran 1**).
    - ii) *Advisory Note No.4/2020 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan* (**Rujuk Lampiran 2**).
  - d. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Kenyataan Media Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal/Bersemuka Pelajar IPT Kemasukan Oktober 2020.
  - e. Pekeliling Akademik Bil.13/2020 - Penangguhan Kemasukan Semua Pelajar Secara Bersemuka (Baru Dan Lama) Sesi Akademik 2020/2021 Bagi Universiti Malaysia Kelantan.
- ii. Akibat daripada pandemik Covid-19, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh Malaysia mengikut kronologi seperti berikut:



# PKP

- a. Perisyntiharhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada **16 Mac 2020**, PKP yang pertama mulai **18 Mac 2020** hingga **31 Mac 2020**;
- b. PKP Fasa 2 dilanjutkan mulai **1 April 2020** hingga **14 April 2020**;
- c. PKP dilanjutkan ke Fasa 3 dari **15 April 2020** hingga **28 April 2020**;
- d. PKP dilanjutkan ke Fasa 4 dari **29 April 2020** hingga **12 Mei 2020**;
- e. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula **4 Mei 2020** hingga **9 Jun 2020**;
- f. Semua bangunan IPTA/IPTS ditutup dan staf dikehendaki bekerja dari rumah;



- g. Hampir **70%** pelajar telah pulang ke kampung manakala hanya **30%** pelajar yang masih tinggal di kampus dan di luar kampus;



- h. Berdasarkan Laporan Survei pada **24 Mac 2020** tentang Capaian Internet Pelajar didapati hampir **63%** berada tahap Sederhana dan Lemah; dan



- i. **95%** pelajar bersedia menjalani P&P-DT

- iii. Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan satu garis panduan P&P-DT bagi situasi Covid-19 untuk dijadikan rujukan kepada Fakulti/Pusat Pengajaran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kuliah dalam talian bermula secara rasmi pada 26 April 2020 mengikut Pekeliling Akademik Bilangan 5/2020: Pindaan Kalender Akademik Semester Februari 2019/2020 Prasiswazah Universiti Malaysia Kelantan bertarikh 1 April 2020, selaras dengan tarikh pelanjutan baharu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sehingga 28 April 2020. Ia tertakluk pada Kenyataan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan serta saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, melalui Kenyataan Media kementerian tersebut bertarikh 26 Mac 2020.



- iv. P&P-DT adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam talian bagi menggantikan P&P yang telah dijadualkan untuk bersemuka secara fizikal. Ia merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar menerusi Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mengikut masa dan tempat pembelajaran yang lebih fleksibel dan diperbadikan mengikut pelajar bagi mengoptimumkan konsep *Self Directedness*, *Self Accessed* dan *Self Paced-(SeDAP)*.
- v. PTG bertujuan untuk mengupayakan pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) berdasarkan Formula 40:40:20. Garis panduan P&P Dalam Talian ini merujuk kepada Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) 2020.
- vi. Kursus yang ditawarkan adalah sepenuhnya dalam talian tanpa semuka, iaitu beralih ke Pembelajaran Dalam Talian (JPT: GP PTG 2020).

# BAHAGIAN PERTAMA





### 3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Kuliah dalam talian boleh dilaksanakan dalam julat antara 30% sehingga maksimum 80% daripada jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT) secara bersemuka berdasarkan formula 40:40:20 (bahan P&P:Aktiviti P&P:Pentaksiran). Formula 40:40:20 adalah agihan kepada 30% hingga 80% daripada keseluruhan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) kepada tiga (3) elemen PTG. (PTG JPT 2020).

Semua pensyarah perlu menggunakan platform eCampus UMK bagi mengendalikan kuliah dalam talian ini. Namun, dalam kes-kes tertentu, pensyarah dibenarkan menggunakan platform lain dan ia perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas dan boleh diukur. Antara aplikasi yang boleh digunakan sebagai alternatif lain seperti :

- i. *Telegram*
- ii. *Whatsapp*
- iii. Telefon/Talian Darat (*Landline*)
- iv. Pesanan Suara (*Voice Message*)
- v. Pos
- vi. Pesanan Ringkas/SMS (*Short Messaging Service*)
- vii. Radio/Televisyen
- viii. Emel
- ix. Media Sosial/*Web 2.0 Tools*
- x. *Live Chat*
- xi. Aplikasi Sidang Video dan seumpamanya.

# Dalam Talian PEMBELAJARAN

Langkah Pencegahan Penularan wabak

## COVID -19

**eCampus**  
LEARNING MANAGEMENT SYSTEM umk.edu.my  
<https://ecampus.umk.edu.my/>

**Bahan Pembelajaran**

**1**

Live (Hangouts/Youtube)  
Rakaman Kuliah ( Naratif Slaid/ Screenshot)  
Fail (Pdf/Ppt/Doc/Audio)

**Aktiviti Pembelajaran**

**2**

Forum / Chat  
Webtools 2.0 (H5P/ Quizlet/  
Quizizz/ flashcard)  
Game Based Learning / Challange

Aktifkan butang "Online Learning" dalam UMK webapps portal.umk.edu.my

**e-Pentaksiran Pembelajaran**

**3**

Tugasan  
Kuiz

Kehadiran pelajar akan direkod secara automatik.

**Bantuan**

Hubungi Pakar Rujuk Fakulti yang dilantik  
@

PUSAT KECEMERLANGAN & PEMBANGUNAN AKADEMIK

OfficialUMK umk.edu.my Entrepreneurship is Our Thrust Kita Bina Legasi UMK #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

- 3.2 eCampus merupakan platform rasmi UMK berlandaskan Moodle versi 3.8. Portal ini mudah diakses oleh semua Warga Pelajar dan Staf Akademik. eCampus UMK mempunyai kelengkapan yang tinggi oleh sebab dokumen P&P seperti Table 4 serta eAttendance, Pelaporan PLO telah diintegrasikan dengan cukup kemas. Untuk layari sila ke <https://ecampus.umk.edu.my> dan turut boleh diakses ke Laman MOOC UMK melalui [www.openlearning.com](http://www.openlearning.com)

## 4.0 PERINCIAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (PTG)

### 4.1 Penggunaan bahan pembelajaran (40%)

- Rakaman video, audio & skrin
- Persembahan berbentuk penceritaan
- Animasi dan Perisian *Web 2.0 Teaching Tools*
- Simulasi atau Realiti Maya, atau Realiti Luasan, atau Realiti Tergabung
- Syarahan dalam/luar kelas
- Kandungan interaktif
- Video praktikal/makmal
- Dan lain-lain yang bersesuaian



### 4.2 Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan *Web 2.0 Tools* (40%)

- 
- *Kahoot*
  - *Padlet*
  - LMS (cth: forum, *chatting*, dsb)
  - Pembelajaran Kolaboratif
  - Penggunaan *open educational resources (OER)*
  - *Personalised learning*
  - *Self directed learning*
  - *Micro learning*, dan
  - Perkakasanya yang bersesuaian *Flipped and Flexible classroom*

### 4.3 Pentaksiran dalam talian (20%)

- Kuiz
- Kajian kes
- *Problem Based Learning -PoBL*
- *Open eBook test*
- Pembentangan
- Refleksi @ePortfolio
- *Peer assessment*
- Alatan Pentaksiran *e-Proctoring*
- Aplikasi Analistik Pembelajaran bagi Pemantauan Kemajuan Pelajar
- Alatan Pentaksiran dalam Talian masa nyata dan banyak lagi





## 5.0 PEMBANGUNAN eBAHAN

### 5.1 Pembangunan eBahan Pembelajaran Dalam Talian

- Pembangunan Bahan atau Video Pembelajaran secara Rakaman Sendiri
- Pembangunan Bahan Pembelajaran Multimedia Interaktif (*Web 2.0 Teaching Tools*)
- Aplikasi Reka bentuk Pengajaran (Addie dan Gadne's) untuk pembangunan kursus dalam talian

### 5.2 Pembangunan Aktiviti Pembelajaran Dalam Talian

- Aplikasi *Hangout Meet/Microsoft Meet Team* sidang video dalam talian bagi PTG Segerak (*Synchronous* atau *Real Time*)
- Penggunaan alatan pembelajaran *Web 2.0* bagi aplikasi segerak dan tidak segerak (*asynchronous*)
- Aplikasi Strategi Pembelajaran dalam talian berdasarkan Teknik keterlibatan (*engagement*) pembelajaran
- Gamifikasi melalui *game based challenge*
- *Micro-credential*